

STPM Kertas 1 Set KVK 2: Soalan 2

- (a) Jelaskan dua persamaan dan dua perbezaan antara liabiliti dengan ekuiti. (4 markah)
- (b) Pada 1 Januari 2020, Perniagaan Surina mempunyai baki modal sebanyak RM81,520. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020, urus-urus niaga yang berkaitan dengan perubahan modal perniagaan yang berikut telah berlaku:
1. Perniagaan ini menjual barang niaga pada harga kos tambah 25%. Sepanjang tahun 2020, Cik Surina telah mengeluarkan barang niaga pada harga jualan sebanyak RM8,450. Perniagaan ini menggunakan sistem inventori berterusan.
 2. Cik Surina mendapatkan khidmat pembersih dari Syarikat Ready Cleaners untuk membersihkan rumah banglonya. Kadar upah pembersihan rumah ialah RM8 sejam dan kadar upah untuk bangunan komersial ialah RM10 sejam. Cik Surina juga mendapatkan khidmat syarikat ini untuk membersihkan kedai perniagaannya. Invois dihantar atas nama Cik Surina dan beliau menjelaskan caj pembersihan ini dengan cek peribadi. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020, jumlah jam diinvoiskan oleh Syarikat Ready Cleaners adalah 240 jam. Dua puluh peratus daripada jumlah jam ini adalah untuk pembersihan rumah banglonya.
 3. Cik Surina membawa masuk dua buah komputer lama, jenama Acer dan Asus. Acer dibeli pada tahun 2019 pada harga RM7,200 dan Asus pula dibeli pada tahun 2017 pada harga RM5,400. Harga pasaran komputer Acer dan Asus pada masa kini ialah RM4,800 dan RM2,200 masing-masing. Walau bagaimanapun, Cik Surina bersetuju untuk membawa masuk kedua-dua komputer pada nilai RM6,500. Kedua-dua komputer ini dianggarkan mempunyai usia guna yang sama, iaitu selama 4 tahun, bagi entiti perniagaan Cik Surina. Polisi susut nilai perniagaan ini adalah untuk memperuntukkan belanja susut nilai setahun dalam tahun perolehan dan tiada susut nilai dalam tahun pelupusan bagi semua aset.
 4. Pihak pengurusan Perniagaan Surina telah mengambil keputusan untuk menyarakan sebuah perabot. Perabot ini tidak berguna kepada perniagaan dan juga tidak dapat dijual. Maka, ia diskrapkan tanpa apa-apa nilai. Perabot ini telah dibeli pada harga RM3,600 dan susut nilai terkumpulnya sehingga tarikh penyaraan adalah RM2,800. Apabila Cik Surina mengetahui mengenai keputusan pihak pengurusan berkaitan dengan penyaraan perabot ini, beliau telah bersetuju untuk mengambil alih perabot tersebut pada nilai RM1,500. Cek peribadi Cik Surina telah dikeluarkan bagi tujuan ini. Wang ini telah membantu mengurangkan masalah modal kerja perniagaan ini.
 5. Cik Surina telah mendapatkan pinjaman peribadi daripada RHB Bank sebanyak RM15,000 dan salurkan RM10,000 ke dalam akaun bank perniagaan. Ansuran tahunan sebanyak RM5,750 (termasuk faedah sebanyak RM750) telah didebitkan di dalam akaun bank perniagaan oleh pihak bank melalui arahan tetap Cik Surina.
 6. Cik Surina memindahkan RM3,000 dari akaun bank perniagaan ke akaun bank perbadinya.

Dikehendaki:

- (i) Sediakan catatan jurnal bagi setiap urus niaga di atas dengan mengamalkan prinsip, polisi dan kaedah perakaunan yang betul. (10 markah)
- (ii) Andaikan bahawa untung bersih sebelum mengambil kira perkara-perkara di atas adalah RM18,780. Sediakan satu penyata perubahan ekuiti pemilik bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 selepas mengambil kira semua perkara yang diberikan di atas. (6 markah)